PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (1) Mei 2021 (133 - 147)

Dialek Dalam Gaya Bahasa Lagu Pasukan Bola Sepak Di Malaysia

Harishon Radzi & Nor Rasidah Mohamad Buhari
naslin@ukm.edu.my & rasidahbuhari@gmail.com

[2]Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Falkulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA

Tarikh terima : 30 April 2021
Received
Terima untuk diterbitkan : 22 Mei 2021
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2021
Published online

Abstrak

Malaysia terdiri daripada empat belas buah negeri. Setiap negeri mempunyai pasukan bola sepak yang mempunyai kekuatan dan keunikan yang tersendiri. Salah satu keunikan ialah penggunaan dialek dalam lirik lagu pasukan bola sepak setiap negeri di Malaysia. Objektif makalah ini adalah untuk meneliti penggunaan dialek yang diterapkan bersama gaya bahasa tertentu dalam lagu pasukan bola sepak di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan teks data dan kaedah transkripsi lagu-lagu bola sepak menerusi aplikasi 'Youtube'. Terdapat lapan buah lagu pasukan bola sepak di Malaysia yang dipilih iaitu lagu bola sepak Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Terengganu. Hasil kajian mendapati terdapat tiga jenis gaya bahasa yang digunakan iaitu gaya bahasa pertentangan, pengulangan dan penyirnaan. Setiap gaya bahasa yang dianalisis mempunyai peranan khusus menerusi diksi dialek tertentu. Gaya bahasa pengulangan paling ketara diguna pakai dalam data kajian lagu yang dianalisis. Hal ini demikian kerana gaya bahasa pengulangan merupakan satu teknik yang sangat berkesan dalam diksi sesebuah lagu untuk melahirkan ciri penekanan kepada tindakan yang boleh dibuat oleh pemain demi mencapai sasaran pertandingan Justeru, analisis data membuktikan bahawa dialek boleh dilestarikan dalam lagu bola sepak di samping mewujudkan motivasi, semangat dan keunikan dialek lagu bola sepak setiap negeri. Selain itu, gaya bahasa yang digunakan menggambarkan keindahan bahasa yang dimiliki setiap lagu bola sepak di Malaysia.

Kata Kunci: Lagu, bola sepak, dialek, gaya bahasa, unik

Dialects In The Language Style Of A Football Team Song In Malaysia

Abstract

Malaysia consists of fourteen states. Each state has a football team that has its own strengths and uniqueness. One of the uniqueness is the use of dialects in the lyrics of football team songs in each state

in Malaysia. The objective of this paper is to examine the use of dialects applied along with certain language styles in football team songs in Malaysia. This study uses the method of data text collection and transcription method of football songs through the application 'Youtube'. There are eight football songs in Malaysia selected, namely football songs from Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Penang and Terengganu. The results of the study found that there are three types of language styles used, namely contradictory language style, repetition and annihilation. Each language style analyzed has a specific role through the diction of a particular dialect. The most significant repetition language style was used in the analyzed song study data. This is because the style of repetition language is a very effective technique used as diction of a song to produce a feature of emphasis on actions that can be made by players in order to achieve the target of the competition. Thus, data analysis proves that dialects can be preserved in football songs while creating motivation, enthusiasm and uniqueness of football song dialects of each state. In addition, the style of language used describes the beauty of the language that belongs to every football song in Malaysia.

Keywords: *Songs; football, dialect, language style, unique*

1. **Pengenalan**

Bola Sepak adalah sukan paling popular di Malaysia. Tidak dapat dinafikan terdapat banyak usaha dilakukan oleh kerajaan seperti Kementerian Belia dan Sukan, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Persatuan Bola Sepak Negeri serta kelab untuk menjayakan matlamat bagi meningkatkan mutu bola sepak negara. Ekoran itu, sehingga kini di Malaysia terdapat dua puluh lima buah stadium yang berkapasiti besar di setiap negeri (Ridzuan Abu Shah, Farid Dewan & Tajul Arifin Muhamad 2015). Antaranya ialah Stadium Bukit Jalil (100,200 kapasiti), Stadium Melawati Shah Alam (80,000 kapasiti,). Manakala, di Pahang terdapat Stadium Darul makmur (35,000 kapasiti). Selain itu, Stadium Bandaraya (20,000 kapasiti) dan Stadium Batu Kawan (40,000 kapasiti) terletak di Pulau Pinang (ms.vvikipedla.com/wiki/Football_in_Malaysia).

Sukan bola sepak sudah dikenali ramai semenjak dahulu sehingga melahirkan legenda bola sepak seperti Mokhtar Dahari. Menurut Zinitulniza Abdul Kadir (2013), Mokhtar Dahari selaku pemain bola sepak Malaysia yang terkenal dan pemain kelab Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah diikonkan sebagai lagenda bola sepak negara. Menurut Nur Hafizah Yusoff (2017), menyatakan bahawa lazimnya penyokong lelaki lebih dominan kerana majoriti penyokong yang berada di dalam stadium adalah terdiri daripada golongan lelaki. Namun begitu, percambahan kelab-kelab penyokong bola sepak wanita sama ada secara "online" atau "offline" turut dicatatkan (Nur Hafizah Yusoff 2017). Perkara ini dapat dilihat dengan lebih jelas bahawa wanita juga meminati sukan bola sepak. Tambahan pula, dengan pembelian tiket perlawanan, pembelian jersi serta pelbagai barangan cenderamata yang dijual oleh pengurusan pasukan menjadi salah satu aktiviti penjanaan kewangan yang dilakukan oleh para penyokong. Secara umumnya, perlawanan bola sepak ini juga boleh menjana ekonomi negara dengan sokongan orang ramai.

Perkembangan pertandingan bola sepak telah mencetuskan fenomena setiap negeri di Malaysia mempunyai lagu bola sepak yang tersendiri. Di samping itu, terdapat beberapa kelab pasukan bola sepak yang telah ditubuhkan di setiap negeri. Antara nama kelab pasukan bola sepak yang terkenal adalah seperti *'Red Warrior'* mewakili negeri Kelantan, *'Southern Tiger'* mewakili negeri Johor dan 'Tok Gajah' mewakili negeri Pahang. Oleh itu, peminat dan penyokong sukan

bola sepak ini telah mencipta satu lagu khas untuk pasukan bola sepak bagi negeri yang disokong. Tujuan lagu tersebut dicipta untuk menaikkan semangat para pemain bola sepak ketika beraksi. Lebih unik lagi,terdapat beberapa buah lagu bola sepak yang menerapkan unsur dialek dalam lirik lagu bola sepak. Dalam erti kata lain, lirik lagu bola sepak juga berfungsi sebagai medium pengekalan dialek setempat.

Meskipun perbezaan bahasa yang dikenali sebagai dialek mewujudkan satu keunikan dalam penggunaan masyarakat sesuatu kawasan yang melangkaui sempadan politik, tetapi kadar kesalingfahaman terhadap semua dialek adalah tinggi. Malah penyebaran semua dialek masih menunjukkan kesinambungan yang ketara walaupun sebutannya berbeza (Siti Noraini et al. 2014). Ekoran itulah, dialek bukan sekadar digunakan sebagai wahana komunikasi hubungan urusan kehidupan setempat, tetapi turut menyebar menerusi hubungan sosial dalam dialek lagu-lagu bola sepak tempatan. Hal yang sama turut ditekan oleh Harishon Radzi et al. (2015) bahawa setiap pengguna bahasa mengharapkan bahasa natif mereka terus kekal dan berswadaya dalam perkembangan bahasa khususnya sebagai wahana komunikasi. Justeru, pelbagai cara oleh diterapkan penggunaan dialek seperti lirik lagu bola sepak yang diselitkan dalam gaya bahasa tertentu.

2. Permasalahan Kajian

Penulis ingin meneliti penggunaan dialek dalam gaya bahasa lagu-lagu pasukan bola sepak yang menjadi tarikan dan motivasi khusus dalam kalangan penyokong bola sepak di sesbuah negeri di Malaysia. Jika dilihat secara teliti setiap baris lagu yang dinyanyikan membawa semangat kesukanan dan kenegerian yang tinggi. Pernyataan ini disokong oleh Muhammad Isa Othman (2001), leksikal "kenegerian" merujuk kepada ciri-ciri yang menonjol dan boleh membezakan sesebuah negeri dengan yang lain dan sentimen penduduknya kepada negeri atau fahaman kenegerian atau kedaerahan itu. Secara umumnya, setiap orang dalam masyarakat mempunyai semangat kenegerian terhadap tempat kelahiran. Tambahan pula, melibatkan acara sukan bola sepak**.** Secara umumnya, perincangan berkaitan bidang bola sepak lebih ditekan dalam aspek laras bahasa. Bidang laras bahasa merupakan satu bidang bahasa yang dianggap sudah signifikan. Hal ini kerana terdapat banyak kajian berdasarkan laras bahasa yang sudah dikaji. Menurut Ab Halim (2014), kajian laras bahasa merupakan kajian yang berpaksikan penggunaan bahasa berdasarkan bidang seperti ekonomi, perundangan, politik, sukan dan sebagainya. Namun begitu, kajian laras bahasa masih dianggap terkini berdasarkan penemuaan bidang ilmu baharu yang muncul.

Menurut Mohd Hazeen Shah Hassan (2017) pembangunan yang semakin maju ini telah menyebabkan bahasa Melayu telah mengalami perkembangan yang pesat terutama dari segi perubahan ejaan, penambahan kosa kata, pembentukan rumus tatabahasa. Jika dilihat pada struktur ayat dalam lagu bola sepak ini menggunakan gabungan bahasa Melayu standard dan penggunaan dialek bagi sesetengah negeri. Contohnya, dapat dilihat berdasarkan kajian Nurafdlin Syafini Nawi dan Zaleha Embong (2020) bahawa penutur jati dialek Kelantan dan mereka selesa menggunakan dialek Kelantan dalam komunikasi harian.

2. Sorotan Literatur

Penelitian terhadap kosa ilmu lepas menunjukkan sangat berkurangan fokus terhadap bidang bola sepak dari aspek kebahasaan. Secara umumnya, perbincangan berkenaan bola sepak diselitkan dalam penelitian berkaitan laras bahasa sahaja. Antara pengkaji yang membincangkan aspek laras bahasa ialah S. Nathesan (1995). Beliau menekankan bahawa kewujudan laras bahasa ini tidak boleh dipandang remeh. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian terhadap laras ini membantu dalam memahami fungsi dan keberkesanan bahasa. Perkara ini merujuk kepada pelbagai situasi penggunaan bahasa yang tidak difahami secara abstrak sebaliknya difahami sebagai satu peristiwa bahasa yang dimanifestasikan dalam laras. Pandangan S. Nathesan selari dengan Halliday (1968) yang mendefinisikan laras sebagi variasi bahasa berlainan berdasarkan fungsi atau laras berubah mengikut situasi - dua faktor, iaitu pengguna dan penggunaan. Variasi bahasa yang timbul yang berkaitan dengan penggunanya yang melibatkan dialek dan variasi bahasa yang berkaitan dengan penggunaannya, iaitu yang mengikut kumpulan sosial yang menggunakannya sebagau register atau laras. (Halliday (1968) dalam S. Nathesan 1995). Tokoh Bahasa lain seperti Nik Safiah Karim (1982) juga sama pendapat dengan Halliday. Baginya setiap anggota masyarakat akan menggunakan beberapa laras yang berbeza mengikut keperluan mereka.

Selain itu, Ab. Razak Ab. Karim (2012), dalam bukunya yang bertajuk `*Kepelbagaian Laras Bahasa Melayu*` mengupas secara akademik beberap jenis laras. Antaranya ialah laras ilmiah moden. Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2012), laras ilmiah moden merupakan suatu bentuk laras yang wujud sejak negara mencapai kemerdekaan akibat keperluan maasyarakat dan negara terhadap pelbagai ilmu pengetahuan yang kian berkembang. Secara umumnya, ilmu pengetahuan ini semakin berkembang ekoran daripada pengaruh barat. Berdasarkan kajian laras ilmiah ini, terdapat beberapa ciri-ciri keprihalan yang diketengahkan. Ciri-ciri keperihalan ini merangkumi situasi luaran dan juga persekitaran. Jika dilihat pada situasi luaran, terdapat beberapa perkara dapat diperkatakan tentang laras ini. Secara umumnya, masyarakat yang menggunakan sesuatu laras merupakan masyarakat yang terbuka. Hal ini dikatakan demikian kerana anggota masyarakatnya bebas menuntut ilmu pengetahuan dan tiada sekatan atau halangan daripada pihak tertentu. Seterusnya, masyarakat yang menggunakan ilmu ini mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi yang pelbagai bentuk sama ada demokrasi berparlimen atau demokrasi beraja. Dengan erti kata lain, walau apapun corak dan jenis pemerintahan yang diamalkan, anggota masyarakat bebas menuntut ilmu. Dari segi situasi persekitaran pula, cara penyampaian laras ini adalah secara tulisan (Ab. Razak Ab. Karim 2012). Hal ini dikatakan demikian kerana banyak fakta yang hendak diperkatakan dalam sesuatu teks. Tambahan pula, pada zaman ini segala bentuk ilmu pengetahuan perlu dicatat bagi tujuan rujukan orang ramai. Secara umumnya, laras ini tidak mempunyai hubungan peribadi tetapi lebih kepada hubungan sosial yang bersifat formal. Jika dilihat secara terperinci, teks ini tidak mempunyai fungsi sosial perlakuan bahasa. Terdapat juga ciri-ciri linguistik dalam laras ilmiah moden ini iaitu aspek leksikal, tatabahasa dan juga ketenunan.

Siti Asma Ahmad et al. (2018) dalam makalah berjudul `Unsur Pengulangan Dalam Lirik Lagu Dikir Barat` telah menyentuh perbincangan berkaitan lirik sebagai salah satu elemen wacana yang penting untuk membentuk lagu yang sempurna, khususnya aspek pengulangan dalam lirik lagu dikir barat. Penelitian ini merupakanpenelitian kualitatif, di mana sampel untuk kajian ini ialah 20 lirik lagu Dikir Barat oleh Halim Yazid. Sampel diambil daripada enam buah album

iaitu Angin (2003), Inovasi (2001), Infiniti (2003), Sarana dan Personaliti (2004) dan Destini (2008). Kesemua lirik lagu yang digunakan mempunyai 96 rangkap serta mengandungi empat hingga enam baris bagi setiap rangkap. Hasil penelitian menunjukkan wujud pengulangan lirik pada peringkat perkataan, frasa dan ayat. Didapati pengulangan yang dilakukan adalah bertujuan untuk menarik perhatian pendengar untuk menepati tema dan mesej berbentuk nasihat dan sindiran yang ingin disampaikan melalui lirik lagu tersebut. Kajian Siti Asmah et al. telah menganalisis lirik dikir barat dari aspek kohesi dan leksikal iaitu pengulangan dalam usaha membuktikan bahawa pengkarya atau penulis lirik tidak hanya terhad kepada perkataan yang gramatis sahaja tetapi lebih jauh daripada konteks perkataan atau lebih besar daripada ayat. Oleh yang demikian, lirik lagu yang baik atau kurang baik yang dihasilkan oleh pengkarya boleh dilihat daripada segi pertautan atau kohesi dan koheran.

Kalthum Ibrahim dalam *Jurnal Linguistik* pada tahun 2017 telah membincangkan satu kajian sosiolinguistik iaitu perkaitan dialek sebagai cerminan jati diri penuturnya dalam dialek Negeri Sembilan. Kajian beliau bertujuan untuk melihat hubungan dialek Negeri Sembilan dengan masyarakat penuturnya. Perbincangan bersifat mikro iaitu melihat dari segi penggunaan dan sikat terhadap dialek itu sendiri oleh penutur dialek tersebut. Kalthum juga membincangkan aspek penggunaan iaitu dari segi situasi-situasi yang menyebabkan penggunaan dialek Negeri Sembilan dan faktor-faktor menimbulkan perubahan dalam penggunaaan dialek tersebut. Kajian beliau tidak menumpukan tahap penguasaan dialek seseorang secara khusus, kerana cekap atau tidak penutur menggunakan dialek juga bukan menjadi ukuran. Kalthum lebih berfokus kepada usaha menunjukkan pola penggunaan dialek dan adat yang mereka anuti. Adat yang ada di Negeri Sembilan dapat dibahagi kepada dua iaitu adat Perpatih dan adat Temenggung. Justeru dengan penggunaan dialek Negeri Sembilan berupaya menunjukkan jati diri penuturnya.

3. Metodologi Kajian

Penelitian dialek dalam gaya bahasa lagu bola sepak menggunakan kaedah analisis teks secara deskriptif berdasarkan kepada prinsip penelitian oleh Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005). Beliau membincangkan tentang gaya bahasa dan mengelompokkan beberapa jenis gaya bahasa kepada gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa pertautan, gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa penyirnaan dan gaya bahasa pengulangan. Secara ringkasnya, gaya bahasa merupakan susunan kata yang digunakan oleh pengarang dalam usaha mengungkapkan tema dan persoalan dalam karya. Oleh yang demikian, kaedah kajian mendapatkan data melibatkan pemerhatian dan pentranskripsian.

Pemerhatian merupakan teknik asas bagi pengumpulan data. Kaedah pemerhatian ini, melibatkan deria sentuhan, pendengaran dan penglihatan melalui anggota pancaindera manusia.. Proses pemerhatian ini dijalankan berdasarkan kepada beberapa klip video lagu bola sepak mengikut negeri di Malaysia. Terdapat lapan buah lagu pasukan bola sepak yang dipilih antaranya ialah lagu bola sepak Johor Darul Takzim (JDT), Negeri Sembilan, Kelantan, Kedah, Perak, Perlis, Pulau Pinang dan Terengganu. Kesemua klip video ini diperoleh daripada aplikasi *'Youtube'*. Justifikasi pemilihan lapan buah lagu pasukan bola sepak kerana hasil penilitian awal mendapati kewujukan aspek gaya bahasa yang akan disentuh dalam penganalisisan Kaedah ini dipilih kerana teknologi yang semakin canggih membolehkan segala maklumat mengenai lagu pasukan bola sepak ini mudah untuk diperoleh. Manakala kaedah transkripsi ini merupakan salah satu unsur yang juga penting dalam memproses menganalisis data kajian.

Tambahan pula, data yang diperolehi akan ditranskripsikan dalam bentuk tulisan atau teks bagi memudahkan proses penganalisisan dijalankan,. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat yang diperoleh secara lisan dapat dibuktikan dalam bentuk tulisan.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan penganalisisan data, hanya menemukan tiga jenis gaya bahasa iaitu gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa penyirnaan dan gaya bahasa pengulangan. Perbincangan data akan menyentuh setiap satu hasil analisis dan dibuktikan menerusi contoh-contoh lirik dalam lagu bola sepak yang secara tidak langsung memperihatkan kewujudan penggunaan dialek. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa aspek dialek yang khusus berkaitan dengan kenegerian sangat menyerlah ditemui.

4.1 Gaya Bahasa Pertentangan

Gaya Bahasa pertentangan dapat dikesan menerusi hiperbola. Nik Hassan Basri (2005) menyatakan bahawa hiperbola iaitu sejenis gaya bahasa yang mengandungi kenyataan tentang sesuatu perkara secara berlebih-lebihan atau melampau daripada segi jumlahnya. Secara umumnya, ukuran atau sifatnya untuk menekankan sesuatu pandangan, idea atau peristiwa. Contohnya, dapat dilihat dalam lagu pasukan bola sepak di Malaysia berikut:

Hancurkan semua musuhmu…
(Lagu: bola sepak Johor)

biar [dio] balik melopong, melopong-melopong..
(Lagu bola sepak Negeri Sembilan)

Semangat Tok Janggut dalam darah [Kelate]...
(Lagu bola sepak Kelantan)

Kubu kita janganlah bocor Perak! [bior] sampeikan lutut kendur…
(Lagu bola sepak Perak)

… harimau kumbang [meŋganaih], hampa jadi saksi…
(Lagu bola sepak Pulau Pinang)

Berdasarkan analisis gaya bahasa pertentangan iaitu gaya hiperbola seperti `Hancurkan semua musuhmu` dalam lagu bola sepak Johor. Gaya bahasa hiperbola seperti ini membawa kenyataan tentang sesuatu perkara secara berlebih- lebihan atau melampau daripada segi jumlahnya. Ungkapan ini merujuk kepada arahan yang meminta pasukan bola sepak Johor untuk menewaskan pihak lawan bola sepak dengan mendapatkan mata kemenangan bukan sehingga membawa kepada kematian pihak musuh. Seterusnya, gaya bahasa hiperbola seperti "biar [dio] balik melopong, melopong-melopong" dalam lagu bola sepak Negeri Sembilan. Gaya bahasa hiperbola tersebut merujuk kepada kekesalan pihak lawan kerana tewas dalam pertandingan bola sepak. Namun begitu, dalam lagu bola sepak Negeri Sembilan penulis menerangkan secara berlebihan mengenai kekalahan yang diterima.

Selain itu, gaya bahasa hiperbola seperti `*Semangat Tok Janggut dalam darah [Kelate*`" dalam lagu bola sepak Kelantan. Gaya bahasa hiperbola tersebut merujuk kepada kehebatan pasukan bola sepak Kelantan. Seterusnya, gaya bahasa hiperbola seperti `*Kubu kita janganlah bocor Perak! [bior] sampeikan lutut kendur*` dalam lagu bola sepak Perak. Gaya bahasa hiperbola tersebut merujuk kepada peringatan kepada pasukan bola sepak mereka supaya jangan cepat berputus asa. Kedua-dua gaya bahasa hiperbola ini digunakan secara berlebih-lebihan dalam lagu tersebut.

Selanjutnya, penggunaan gaya bahasa hiperbola seperti `*harimau kumbang [meŋganaih], hampa jadi saksi*` dalam lagu bola sepak Pulau Pinang. Harimau kumbang dalam lagu merujuk kepada lambang pasukan bola sepak pulau pinang. Gaya bahasa hiperbola tersebut merujuk kepada kehebatan pasukan bola sepak. Namun begitu, penulis lagu bola sepak telah menggunakan kenyatan yang dilihat secara berlebih-lebihan.

4.2 Gaya Bahasa Pengulangan

Nik Hassan Basri (2005) menyatakan bahawa gaya bahasa pengulangan merujuk kepada unsur-unsur pengulangan bunyi, suku kata, kata, frasa atau sebahagian ayat. Semua unsur ini dianggap penting untuk menghasilkan kesan dan memberi tekanan dalam sebuah konteks yang sesuai. Apatah lagi sesebuah pertandingan seperti bola sepak sentiasa mewujudkan ketegangan dan tekanan kepada pemain dan penyokong. Tambahan pula, gaya bahasa turut boleh menimbulkan kesan kepada psikologi. Hal ini dikatakan demikian kerana kesan ingatan yang dianggap sebagai subliminal atau tergiang-giang di ingatan. Terdapat lima jenis gaya bahasa pengulangan dalam lagu bola sepak di Malaysia iaitu aliterasi, asonansi, anafora, epizeuksis, epanalepsis dan epistrofa/epifora.

Satukanlah **s**emangatmu (pengulangan konsonan/s/)
(Lagu bola sepak Johor)

…**k**alau boleh tujuh **k**osong… (pengulangan konsonan/k/)
(Lagu bola sepak Negeri Sembilan)

Semanga**t** **T**ok Janggu**t**, dalam darah Kela**tɛ**,
berani siki**t** **t**ak **t**aku**t**… (pengulangan konsonan/t/)
(Lagu bola sepak Kelantan)

…kiri [kana**ŋ**] [dep**aŋ**] bel**a**ka**ŋ** **a**de. (pengulangan konsonan /ŋ/)
(Lagu bola sepak Terengganu)

Berdasarkan gaya bahasa aliterasi yang telah dianalisis, dapat dikatakan bahawa terdapat pengulangan huruf konsonan /s/, konsonan /k/ dan konsonan /t/ dalam lagu bola sepak Johor, Negeri Sembilan dan Kelantan. Secara amnya, lagu bola sepak ini ditulis mengikut kesesuaian leksikal yang digunakan. Tambahan pula, penyokong bola sepak akan setia menyokong pasukan bola sepak walaupun kalah dalam pertandingan. Kesemua lagu bola sepak tersebut memilih konsonan /s/, konsonan /k/ konsonan /t/ dan konsonan /ŋ/ untuk menyeragamkan bunyi lagu yang dihasilkan.

[du**o**] satu [k**o**ci?] [b**o**nar], (pengulangan vokal /o/)
(Lagu bola sepak Negeri Sembilan)

Sem**a**ng**a**t **a**n**a**k [Kel**a**tɛ],
Ken**a** [briŋ**a**?l**a**h] [gu] [l**a**wɛ]. (pengulangan vokal /a/)
(Lagu bola sepak Kelantan)

Bi**a**r j**a**s**a** j**a**di ken**a**ng**a**n,
Hij**a**u kuning l**a**mb**a**ng kemeg**a**h**a**n,
Jel**a**p**a**ng p**a**di temp**a**t s**a**njung**a**n,
Negeri Ked**a**h D**a**rul **A**m**a**n (pengulangan vokal /a/)
(Lagu bola sepak Kedah)

…kiri [k**a**n**a**ŋ] [dep**a**ŋ] bel**a**k**a**ng **a**de. (pengulangan vokal /a/)
(Lagu bola sepak Terengganu)

Secara umumnya, asonansi ialah pengulangan bunyi vokal dalam suatu baris. Gaya bahasa perulangan asonansi berdasarkan lagu bola sepak di Malaysia berfungsi untuk menimbulkan keindahan bunyi dalam lagu pasukan bola sepak. Tambahan pula, lagu ini melambangkan jati diri sebuah negeri. Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap gaya bahasa asonansi, pengulangan vokal /a/ begitu kerap ditemukan dalam lagu bola sepak di Malaysia. Antaranya, dapat dilihat dalam lagu bola sepak Kelantan, Kedah dan Terengganu. Jika dilihat pada lagu bola sepak yang mewakili Negeri Sembilan. Secara umumnya, lagu bola sepak ini menceritakan pemain yang merupakan anak kelahiran Negeri Sembilan mempunyai teknik yang bergaya ketika beraksi di padang bola. Oleh itu, mereka mudah untuk mengalahkan pihak lawan dan mendapatkan mata kemenangan. Seterusnya, pemain turut dinasihatkan agar berhati-hati ketika bermain untuk mengelakkan kecederaan. Akhir sekali, perbezaan hanya satu mata kemenangan merupakan kemenangan yang tipis. Pengulangan vokal /o/ dalam rangkap baris tersebut dapat menonjolkan identiti asli Negeri Sembilan. Hal ini dikatakan demikian kerana susunan kata dibina berdasarkan dialek Negeri Sembilan yang banyak terdiri daripada vokal /o/ (duo, koci?, bonar). Berdasarkan data lagu bola sepak Terengganu, penggulangan gaya bahasa asonansi kerap menggunakan vokal /a/. Data tersebut menceritakan bilangan penyokong mereka yang terlalu ramai sehingga memenuhi ruang stadium bola.

Seterusnya, data yang mempamerkan rangkap baris lagu bola sepak Kelantan yang berlakunya proses pengulangan vokal /ɛ/ (lawɛ, kelatɛ). Rangkap baris tersebut menceritakan bahawa setiap anak kelahiran Kelantan khususnya pemain bola sepaknya sangat hebat. Oleh itu, pihak lawannya perlu berwaspada jika bertemu dengan mereka dalam perlawanan bola sepak. Selain itu, terdapat data bagi lagu bola sepak Kedah yang mengalami proses pengulangan vokal /a/. Pengulangan vokal /a/ berfungsi untuk mengindahkan irama lagu bola sepak. Secara umumnya, data tersebut menceritakan lambang-lambang kemegahan yang dimiliki oleh pasukan bola sepak Kedah. Tambahan pula, Kedah merupakan negeri yang terkenal dengan gelaran negeri Jelapang Padi. Penyokong bola sepak mengatakan bahawa segala rintangan dan cabaran yang dilalui pasukan Kedah mampu untuk ditepis. Jelas menunjukkan bahawa gaya bahasa asonansi berfungsi untuk mengindahkan lagu bola sepak di Malaysia. Walaupun pengulangan pada vokal yang sama namun ia tetap memberikan keunikan yang tesendiri bagi setiap lagu tersebut.

Malahan, lagu yang dinyanyikan turut menimbulkan semangat yang tinggi terhadap sukan bola sepak.

Ayuh mara terus mara,
Ayuh wira Johor terus mara.
(Lagu bola sepak Johor)

Bukan main bola linsut,
Bukan main bola tampar,
(Lagu bola sepak Negeri Sembilan)

Hijau kuning tanahku,
Darul Aman negeriku,
Hijau kuning darahku,
(Lagu Bola Sepak Kedah)

[***ligan***] cepat-cepat,
[***ligan***] sampai dapat.
(Lagu bola sepak Perlis)

dari bawah ke [ataih] sampai puncak liga,
dari dulu sampai [lani] kita kekal lagenda,
(Lagu bola sepak Pulau Pinang)

Secara umumnya, gaya pengulangan anafora ialah pengulangan kata-kata pada setiap awal baris dalam satu rangkap secara berturutan dan sejajar. Gaya bahasa anafora berfungsi untuk memberikan penekanan terhadap persoalan yang hendak dikemukakan. Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap lagu bola sepak di Malaysia. Terdapat beberapa gaya bahasa anafora yang ditemukan. Berdasarkan rangkap baris pada lirik lagu bola sepak pasukan Johor. Terdapat unsur penekanan leksikal "ayuh" yang bertujuan untuk memberitahu kepada pemain bola sepak Johor untuk bangkit bagi mencapai kejayaan. Selain itu, rangkap baris pada lirik lagu bola sepak Negeri Sembilan menunjukkan pengulangan pada frasa "bukan main bola" dalam satu rangkap lagu. Pengulangan frasa tersebut bertujuan untuk mengingatkan bahawa mereka berlawan dalam pertandingan bola sepak bukan bermain bola linsut atau bola tampar.

Seterusnya, terdapat pengulangan frasa "hijau kuning" pada rangkap dalam lagu bola sepak Kedah. Pengulangan frasa tersebut bertujuan untuk menegaskan bahawa mereka sanggup berjuang mengharumkan nama negeri Kedah. Hal ini demikian kerana negeri Kedah merupakan tempat kelahiran dan mereka perlu menyumbangkan bakti untuknya. Terdapat juga pengulangan leksikal "[ligan]" dalam rangkap baris lagu bola sepak Perlis. Leksikal [ligan] merupakan dialek negeri Perlis merujuk kepada leksikal "kejar" dalam bahasa Melayu standard. Pengulangan leksikal bertujuan untuk menegaskan mesej yang ingin disampaikan dalam lagu tersebut. Tambahan pula, penggunaan dialek utara tersebut lebih sebati dalam kalangan masyarakat sebelah utara Malaysia. Berdasarkan lagu bola sepak Pulau Pinang, terdapat juga pengulangan leksikal `dari` pada rangkap baris. Pengulangan leksikal `dari` bertujuan untuk menyatakan dengan tegas bahawa perjalanan menuju kejayaan oleh pasukan bola sepak Pulau Pinang. Kemenangan yang bakal diraih akan menjadi lagenda dalam sukan bola sepak di Malaysia. Justeru, berdasarkan semua gaya bahasa anafora tersebut dapatlah dirumuskan bahawa

pengulangan leksikal dalam rangkap atau baris lagu mempunyai fungsi khusus. Contohnya, sebagai penekanan/penegasan kepada mesej yang ingin disampaikan. Tambahan pula, penyampaian mesej mudah untuk difahami oleh para penyokong dan pemain bola sepak.

Biar [diɔ] balik ***melopong***, ***melopong***, ***melopong***.
(Lagu bola sepak Negeri Sembilan)

Kedah, ***Kedah*** pantang kalah,
(Lagu bola sepak Kedah)

Tengok, **tengok** tu [dema] [laɣi],
(Lagu bola sepak Perak)

[***Liqan***], [***liqan***], [***liqan***] Perlis [ligan].
(Lagu bola sepak Perlis)

Secara umumnya, gaya bahasa epizeuksis ialah pengulangan kata secara berturutan dalam sebuah perkataan. Gaya bahasa epizeuksis berfungsi untuk menegaskan maklumat yang disampaikan. Selain itu, gaya bahasa episeuksis juga menambahkan keindahan pada lirik lagu bola sepak di Malaysia. Terdapat lima buah lirik lagu bola sepak yang menggunakan gaya bahasa epizeuksis. Antaranya, ialah lagu bola sepak Negeri Sembilan, Kedah, Perak dan Perlis.

Berdasarkan lagu bola sepak Negeri Sembilan turut dilihat mengalami proses pengulangan leksikal seperti "melopong" dalam rangkap baris. Menurut *Kamus Pelajar* (2015) menyatakan bahawa melopong merupakan keadaan ternganga mulut kerana tercengang atau kehairanan. Jika dilihat dari segi konteks, pengulangan leksikal "melopong" dalam lagu bertujuan untuk menegaskan bahawa pihak lawan akan menyesal dan sedih kerana kalah dalam perlawanan bola sepak tersebut. Seterusnya, terdapatnya pengulangan leksikal "Kedah". Leksikal tersebut diulang secara berturutan dalam baris. Hal ini demikian kerana penulis ingin menegaskan maklumat yang ingin disampaikan. Jika dilihat dari segi konteks situasi, pemain bola sepak tidak mudah untuk dikalahkan oleh pihak lawannya.

Selain itu, lirik lagu bola sepak Perak juga dilihat mengalami proses pengulangan leksikal "tengok" secara berturutan dalam baris lagu bola sepak Perak. Leksikal ini berfungsi untuk memberikan penegasan terhadap arahan secara tidak langsung kepada pendengarnya. Akhir sekali, terdapat juga pengulangan leksikal "ligan" dalam lirik lagu bola sepak Perlis. Leksikal ini adalah satu penggunaan dialek `ligan` yang berfungsi untuk memberikan penegasan terhadap arahan secara tidak langsung kepada para pemain bola sepak.

Hanya sebahagian daripada lagu bola sepak yang dikaji mempunyai gaya bahasa epizeuksis. Gaya epizeuksis ini mempunyai fungsi yang sama iaitu memberikan penegasan pada leksikal yang diulang secara berturutan dalam baris lagu.

Hoben [jaŋ] ***hoben***
(Lagu bola sepak Negeri Sembilan)

"[***qomɔ***] [kelate] [***qomɔ***]"
(Lagu bola sepak Kelantan)

[***Kejɔ***] yop [***kejɔ***]
(Lagu bola sepak Perak)

Haria Penang ***Haria***
(**Lagu bola sepak Pulau Pinang)**

[***Peteh***] [Tranuŋ] [***Peteh***]
(Lagu bola sepak Terengganu)

Berdasarkan analisis yang dijalankan, terdapat beberapa lirik lagu bola sepak di Malaysia yang menggunakan gaya bahasa epanalepsis. Antaranya, ialah lagu bola sepak Negeri Sembilan, Kelantan, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu. Gaya bahasa epanalepsis ialah pengulangan pada kata terakhir daripada baris, klausa, dan ayat dengan ulangan kata pertama. Terdapat pengulangan leksikal "hoben" pada awal dan akhir baris pada lirik lagu bola sepak Negeri Sembilan. Pengulangan leksikal ini bertujuan memberikan penegasan kepada maklumat yang ingin disampaikan. Leksikal `hoben` merupakan dialek negeri Sembilan. Tambahan pula, leksikal `hoben` merujuk kepada `belasah` dalam bahasa Melayu standard. Jika dilihat dari segi konteks situasi, penyokong bola sepak negeri Sembilan memberikan kata semangat kepada pasukan bola sepak kegemaran mereka. Leksikal [jaŋ] merupakan dialek gelaran yang digunakan bagi merujuk setiap pemain bola sepak Negeri Sembilan. Penggunaan leksikal [jaŋ] dilihat dapat menimbulkan kemesraan antara penyokong dan pemain bola sepak. Perkataan [jaŋ] membawa maksud lelaki bujang dalam bahasa Melayu standard.

Berdasarkan lagu bola sepak Kelantan, terdapat pengulangan leksikal dialek Kelantan `gomɔ` pada awal dan akhir baris lagu. Pengulangan leksikal ini bertujuan memberikan penegasan kepada maklumat yang ingin disampaikan. Leksikal `gomɔ` merupakan dialek Kelantan yang membawa maksud `berusaha bersungguh-sungguh dalam apa-apa hal yang dibuat``. Jika dilihat dari segi konteks situasi, penyokong bola sepak Kelantan memberikan kata semangat dan bersorak kepada pasukan bola sepak kegemaran mereka. Penyokong mengharapakan pemain bola sepak akan bermain sampai habis kederat, yakni lawan sampai menang. Secara tidak langsung, penggunaan dialek Kelantan dalam lagu bola sepak menjadikan lagu tersebut mesra pendengar dan membangkitkan kekitaan khususnya bag penduduk asal masyarakat Kelantan.

Seterusnya, pengulangan leksikal dialek Perak iaitu `kejɔ` pada awal dan akhir baris lagu dalam lirik lagu bola sepak Perak. Pengulangan leksikal ini bertujuan memberikan penegasan kepada arahan yang ingin disampaikan. Jika dilihat dari segi konteks situasi, penyokong bola sepak Perak seakan-akan memberikan arahan kepada pemain bola sepak untuk mendapatkan bola. Akhir sekali, terdapat juga pengulangan leksikal `haria` dan `peteh` pada awal dan akhir baris lagu dalam lirik lagu bola sepak Pulau Pinang dan Terengganu. Fungsi gaya bahasa epanalepsis bagi kedua-dua data lagu ini adalah sama iaitu sebagai penegasan dalam menyampaikan maklumat. Perbezaannya dapat dilihat dari segi penggunaan dialek yang khusus merujuk kepada tindakan yang mesti dilakukan oleh pemain. Sehubungan dengan itu, didapati hanya sebahagian lagu bola sepak yang dipilih memiliki gaya bahasa epanalepsis. Setiap lagu bola sepak yang dianalisis dan dipilih mempunyai fungsi yang sama iaitu sebagai penegasan dalam menyampaikan maklumat. Gaya bahasa epanalepsis berbeza dengan gaya bahasa anafora. Hal ini dikatakan demikian kerana gaya bahasa epanalepsis ini dilihat berdasarkan pengulangan pada awal dan akhir baris lagu.

Yam Tuan ***sokɔng [kitɔ]***,
[Montoɣi Bosar] ***sokɔng [kitɔ]***,
Undang [luaʔ], ***sokɔng [kitɔ]***,
Jangan [bueʔ], malu [***mukɔ***].
(Lagu bola sepak Negeri Sembilan)

[Bo] [lawɛ] **[*starɔ*] [*demɔ*]**…
[Bo] [main] **[*starɔ*] [*demɔ*]**…
[Bo] [menej] **[*starɔ*] [*demɔ*]**…
(Lagu bola sepak Kelantan)

Secara umumnya, gaya bahasa epistrofa/epifora ialah pengulangan kata, frasa atau klausa pada akhir kalimat. Terdapat beberapa gaya bahasa epistrofa/epifora berdasarkan lagu pasukan bola sepak Malaysia. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, gaya bahasa pengulangan epistrofa/epifora dapat ditemukan dalam lagu bola sepak Negeri Sembilan dan Kelantan. Lagu bola sepak Negeri Sembilan mengulang frasa `*sokong* [*kito1*" pada akhir perkataan secara berturutan dalam rangkap baris. Gaya bahasa ini berfungsi untuk menegaskan dan memberi peringatan kepada pemain bola sepak agar bermain bola sepak bersungguh- sungguh.

Selain itu, gaya bahasa pengulangan epistrofa/epifora seperti `[*starɔ*] [*demɔ*]`dalam lagu bola sepak Kelantan. Jika dilihat secara terperinci, lagu bola sepak Kelantan ditulis dengan menggunakan dialek Kelantan bagi melambangkan identiti negeri penulis. Leksikal `[*starɔ*] [*demɔ*]` merujuk kepada`dengan kamu` dalam bahasa Melayu standard. Rangkap baris tersebut seakan menyindir pihak lawan pasukan bola sepak Kelantan.

4.3 Gaya Bahasa Penyirnaan

Gaya bahasa penyirnaan dapat diteliti terhadap gaya bahasa sinkope yang secara umumnya bermaksud penyingkatan perkataan yang digunakan dalam baris ayat/kalimat. Terdapat beberapa contoh penggunaannya berdasarkan analisis terhadap lagu bola sepak berikut:

Luaskan kuasa***mu*** Johor
(Lagu bola sepak Johor)

Berjuanglah pahlawan***ku***
(Lagu bola sepak Johor)

Kini kau ***dah*** pandai [nondaŋ],
(Lagu bola sepak Negeri Sembilan)

[Yop] [jage] pintu gol ***tu*** [yop] [jage],
(Lagu bola sepak Perak)

[hitaŋ] putih [kaler] ***tu***,
(Lagu bola sepak Terengganu)

Berdasarkan analisis data, didapati penggunaan gaya bahasa penyirnaan berbentuk sinkope banyak ditemukan dalam lagu bola sepak Johor. Selain itu, pencipta lagu bola sepak mengikut negeri dalam Malaysia gemar untuk menyingkatkan perkataan yang digunakan. Penyingkatan

perkataan ini dilakukan bertujuan untuk menambahkan keindahan bahasa. Tambahan pula, kesemua lagu bola sepak sesuai untuk dinyanyikan oleh semua susun lapis masyarakat. Antara perkataan yang kerap disingkatkan adalah seperti 'ku' yang merujuk kepada “aku” yang ditemukan dalam lagu bola sepak Johor dan Kedah. Leksikal “aku” dalam lagu bola sepak ini, mewakili diri penulis lagu, penyokong dan pemain bola sepak terhadap negeri mereka.

Selain itu, sinkope seperti 'tak' yang merujuk “tidak” ditemukan dalam lagu bola sepak Johor, Kelantan dan Perlis. Leksikal “tidak” dalam lagu bola sepak ini berfungsi sebagai penafian kepada pihak lawan. Seterusnya, sinkope seperti 'mu' yang merujuk kepada 'kamu' dalam lagu bola sepak Johor. Leksikal “kamu” mewakili pencapaian yang diperolehi barisan pemain bola sepak negeri Johor. Selanjutnya, sinkope seperti “tu” bermaksud “itu” dan “dah” bermaksud “sudah”. Leksikal “itu” dapat dilihat dalam lagu bola sepak Perak, Perlis dan Terengganu. Leksikal “sudah” pula ditemukan dalam lagu bola sepak Negeri Sembilan dan Perlis. Kedua-dua leksikal tersebut mengalami proses penyingkatan perkataan bagi tujuan mengindahkan bahasa lagu tersebut. Tambahan pula, lirik lagu yang menggunakan gaya bahasa yang menarik dan indah mudah diadaptasi oleh para pendengarnya.

Berdasarkan perbincangan analisis data, terdapat tiga gaya bahasa yang ditemui iaitu gaya bahasa pengulangan, pertentangan dan penyirnaan dalam lagu-lagu pasukan bola sepak yang dikaji. Secara umumnya, kebanyak lagu pasukan bola sepak mempamerkan ketiga-tiga gaya bahasa terutamanya lagu pasukan bola sepak negeri Johor, Perak, Trengganu, Kedah, Kelantan dan Negeri Sembilan. Negeri Perlis yang paling kurang mempamerkan gaya bahasa yang dibincangkan kecuali gaya bahasa pengulangan. Hal ini demikian kerana gaya bahasa pengulangan merupakan satu teknik yang sangat berkesan dalam diksi sesebuah lagu untuk melahirkan ciri penekanan kepada tindakan yang boleh dibuat oleh pemain demi mencapai sasaran pertandingan. Tambahan lagi, pengulangan diksi sangat berkait dengan dialek kenegerian pasukan bola sepak. Misalnya, pengulangan `ayuh-ayuh, ligan-ligan, melopong-melopong, dan tengok-tengok`. Pengulangan diksi berdasarkan penggolongan kata kerja dan kata adjektif dari segi peranannya memang bersesuaian melahirkan seni lagu sesebuah pasukan bola sepak. Kata kerja bertujuan menunjukkan perlakuan, manakala kata adjektif boleh berperanan sebagai unsur keterangan (kata bantu dan penguat) yang menjadi sebahagian daripada frasa adjektif (Nik Safiah Karim et al. 2009:226).

5. Kesimpulan

Penganalisisan data kajian iaitu lirik lagu pasukan bola sepak mengikut lapan negeri di Malaysia menunjukkan wujudnya penggunaan dialek khusus lagu bola sepak di Malaysia yang unik. Selain itu, jati diri kenegerian yang bermotifkan semangat, motivasi, sindiran, kepada pihak lawan diserlahkan menerusi penggunaan dialek seperti [demɔ], [hoben], [ligan], [gomɔ], [peteh] dan [haria]. Jalinan dialek dalam gaya bahasa telah dikesan penggunaannya seperti gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa penyirnaan dan gaya bahasa pengulangan yang mengukuhkan lagi kekuatan mesej sesebuah lagu bola sepak. Secara tidak langsung, penggunaan dialek dalam lagu bola sepak ini menjadi wadah pelestarian warisan budaya bagi setiap peringkat umur penuturnya. Aspek jati diri yang ditemui dalam penggunaan dialek berjaya membangkitkan semangat kekitaan yang berfokuskan untuk memenangi sesuatu pertandingan.

Penggunaan dialek dalam gaya bahasa lagu bola sepak dibaratkan sambil menyelam minum air – pasukan akan bersemangat untuk bermain bersungguh-sungguh hingga menang sesuatu pertandingan dan pada masa yang sama mengekalkan penggunaan dialek sebagai jati diri dialek kenegerian. Penggunaan dialek ini turut dapat mengekalkan identiti asli budaya masyarakat setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana sukan bola sepak sangat terkenal dalam kalangan masyarakat dan ditambah pula elemen dialek dalam setiap lagu tersebut. Nor Hashimah (2015:1) telah menekankan bahawa bahasa termasuklah dialek akan berdiri teguh selagi ada penggunanya yang aktif. Penghasilan kosa kata yang baru seiring dengan perkembangan semasa pasti akan mengukuhkan lagi sesebuah bahasa itu. Dendangan lagu bola sepak berdasarkan diksi sesuatu dialek mencerminkan kehebatan, kebijaksanaan penutur dan penggunanya sejak dahulu kala.

Rujukan

Ab. Razak Ab. Karim. (2012). *Kepelbagaian Laras Bahasa Melayu*. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Ab Halim. (2014). Laras bahasa brosur pelancongan dalam bahasa Arab di Malaysia. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Harishon Radzi, Zaharani Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015). Pelestarian kaedah lapangan: penerapan terhadap kajian geo dialek. dalam *Jurnal Linguistik* Vol.19 (1) Jun 2015 (058-077).

Kalthum Ibrahim. (2017). Cerminan jati diri penuturnya dalam dialek Negeri Sembilan. Dalam *Jurnal Linguistik* Vol. 21(1) Jun 2017 (029-035).

Kamus Pelajar . (2015). *Kamus Pelajar: Edisi Kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Muhammad Isa Othman. (2001). *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman Penjajahan British*. Utusan Publications & Distributors:Kuala Lumpur.

Mohd Hazeen Shah Hassan. (2017). Penggunaan bahasa dalam rencana akhbar. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2009). *Tatabahasa Dewan;edisi ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). Pengajaran gaya bahasa dalam Bahasa Melayu *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 16 Julai 2005 (035 – 055).

Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Pelestarian dan perekayasaan Bahasa Melayu. Dalam *Jurnal Linguistik* Vol. 19 (1) Jun 2015 (001-013).

Nur Hafizah Yusoff. (2017). Motivasi dan penglibatan wanita sebagai penyokong bola sepak di Malaysia. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani (JSSPJ), 6*(1), 36-44.

Nurafdlin Syafini Nawi dan Zaleha Embong. (2020). Pengaruh dialek dalam komunikasi terhadap tahap keyakinan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan di Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Online Journal of Language, Communication, and Humanities (INSANIAH), 3*(1), 26-40.

Ridzuan Abu Shah, Farid Dewan & Tajul Arifin Muhamad. (2015). Teknik Awalan Bola Sepak. First Kick Football Training Centre. Perpustakaan Negara Malaysia.

S.Nathesan. (1995). *Laras Bahasa Ilmiah*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Siti Asma Ahmad, Hazlina Abdul Halim dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2018). Unsur pengulangan dalam lirik lagu dikir barat. Dalam *Jurnal Linguistik* Vol. 22 (2) Disember 2018 (0001-009).

Siti Noraini, Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad (2014). Variasi dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. dalam *Jurnal Linguistik* Vol.18(2) Disember 2014 (030-046).

Zinitulniza Abdul Kadir. (2013). *Mokhtar Dahari: Lagenda Bola Sepak*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.:Kuala Lumpur.

Rujukan dalam Talian
ms.vvikipedla.com/wiki/Football_in_Malaysia. (2021). Mei 9.malam.

Biodata Penulis

Harishon Radzi merupakan pensyarah kanan dan Ketua Program Linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Morfologi, Geolinguistik dan Linguistik dan Komunikasi.

Nor Rasidah Mohamad Buhari merupakan pelajar Sarjana Muda di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik sesi 2019/2020, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.